

# **SEMPENA PERASMIAN SEMINAR PENDIDIKAN BERKUALITI DAN MENARA INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

**Speeches | 2004 | 30/11/2004 | Speaker: DATO' HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**

**UCAPAN OLEH: DATO' HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN  
( MENTERI PELAJARAN )**

**UPACARA: SEMPENA PERASMIAN SEMINAR PENDIDIKAN BERKUALITI DAN MENARA  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

**TEMPAT: INSTITUT AMINUDDIN BAKI, GENTING HIGHLANDS**

**TARIKH: 30 NOV 2004**

**MASA: 9.00 A.M**

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang dihormati saudara Pengacara Majlis

Yang berbahagia Tan Sri Rafie Mahat  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Yang berbahagia Pengarah-Pengarah Bahagian,  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Yang berusaha Dr. Ishak Sin  
Pengarah Institut Aminuddin Baki

Yang berusaha Prof. Madya Ali Hassan  
Presiden PIBG Kebangsaan

Yang berusaha pengarah-pengarah pelajaran negeri, pengetua-pengetua,  
Guru Besar-Guru Besar, wakil-wakil NGO seterusnya tuan-tuan dan  
puan-puan yang dihormati sekelian.

1. Terlebih dahulu, saya melahirkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis yang cukup bermakna pada hari ini. Saya amat gembira kerana berpeluang bersua muka dengan tuan-tuan dan puan-puan sekelian yang rata-ratanya dari berlainan latar belakang iaitu dari Kementerian Pelajaran, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan NGO-NGO.

2. Saya percaya, walaupun kita berbeza latar belakang dan kerjaya, namun hasrat dan kemahuan kita sama, iaitu ingin melihat pelajar-pelajar yang lahir daripada sistem persekolahan kita, memiliki tahap keupayaan dan kecerdasan yang tinggi. Kita ingin melihat anak-anak kita mampu bersaing di persada antarabangsa, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini. Justeru, seminar ini cukup penting bagi membugar minda tuan-tuan

dan puan-puan sekelian, supaya terlahir idea-idea dan input-input baru yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan di negara ini. Hasrat ini penting untuk dicapai, kerana pendidikan berkualiti adalah prasyarat utama untuk membolehkan sesebuah negara seperti Malaysia mencapai kemajuan dan pembangunan seperti yang diimpikan serta setanding dengan mana-mana negara maju yang lain.

3. Saya difahamkan bahawa tujuh kertas kerja telah dibincangkan sepanjang dua hari seminar ini, antaranya berkaitan agenda memperkasakan sekolah, penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum, kepentingan melahirkan guru berkualiti, prestasi murid dalam peperiksaan dan sebagainya. Justeru, saya amat berharap agar perbincangan dan percambahan pendapat dalam pembentangan kertas kerja ini akan mampu melahirkan strategi dan pendekatan secara lebih menyeluruh untuk diserapkan dalam sistem pendidikan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekelian,

4. Sememangnya sistem pendidikan di Malaysia diakui sebagai antara yang terbaik di kalangan negara-negara membangun. Produk yang kita hasilkan, termasuklah pencapaian pelajar dan guru-guru turut mendapat pengiktirafan di arena antarabangsa. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak di atas kejayaan ini. Bagaimanapun, kita perlu menyedari bahawa taraf pendidikan kita sebenarnya masih tidak mampu menyaingi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain. Mereka lebih terkehadapan daripada kita dalam bidang pendidikan. Justeru, kita perlu terus menggerakkan usaha agar kita dapat menyaingi mereka. Maka dalam hal ini, kita perlu membulatkan tekad dan menanamkan kesungguhan serta komitmen yang tinggi untuk menjadi antara negara yang memiliki sistem pendidikan terbaik dan berkualiti di dunia ini.

5. Hasrat dan cita-cita ini tidak mustahil dikecapi andainya kita bersungguh-sungguh dan beriltizam ke arah merealisasikannya. 'Di mana ada kemauan, di situ ada jalan'. Justeru, di sini saya ingin menekankan lima perkara teras yang pernah ditekankan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk kita laksanakan bagi meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Pertamanya ialah mengubah sikap dan minda agar sentiasa mengejar kecemerlangan. Kedua, mempraktikkan etika kerja yang luhur dan bersistematis. Ketiga, membangunkan tenaga manusia yang berpengetahuan dan mahir. Keempat, mengamalkan budaya kerja yang berdasarkan prestasi dan pencapaian dan kelima, mempamerkan daya kepimpinan yang berkualiti. Saya yakin, kesemua perkara ini, jika dapat dilaksanakan sepenuhnya, maka usaha untuk mewujudkan pendidikan yang berkualiti di negara ini akan menjadi lebih mudah dan berkesan. Pendekatan ini juga akan menjadi lebih berkesan andainya kita menggunakan segala kemudahan dan alatan pendidikan sedia ada secara optimum.

6. Bagaimanapun, tuan-tuan dan puan-puan sekelian, lima perkara teras ini sebenarnya harus dilengkapi dengan satu lagi aspek lain yang tidak kurang pentingnya iaitu 'semangat permuafakatan dan gerak kerja berpasukan'. Saya yakin, jika kita mempraktikkan kelima-lima perkara teras ini dengan disertai aspek yang saya sebutkan tadi, maka sudah

pasti kita mampu mewujudkan sistem pendidikan yang lebih berkualiti seperti mana yang kita idam-idamkan selama ini.

7. Tema seminar kali ini iaitu Permuafakatan Teras Pendidikan Berkualiti", amat bertepatan dengan keperluan dalam bidang pendidikan hari ini yang menuntut kerjasama dan persepakatan daripada semua pihak. Oleh itu, saya menyarankan semua pihak terutamanya wakil-wakil NGO dan pihak PIBG yang hadir pada hari ini supaya dapat bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran melaksanakan program dan aktiviti yang bersesuaian di sekolah-sekolah. Kerjasama dan kesepakatan ini cukup penting kepada pihak sekolah dalam usahanya menyediakan perkhidmatan pendidikan yang terbaik kepada pelajar-pelajar seperti kata pepatah: 'Bulat Air Kerana Pembetong, Bulat Manusia Kerana Muafakatnya'.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Sesungguhnya, pendidikan yang berkualiti menjadi teras kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Malaysia amat bertuah kerana dianugerahkan barisan pemimpin yang sentiasa peka kepada kepentingan pendidikan untuk mengubah nasib rakyat dan negara. Sejak merdeka lagi, pelbagai usaha dan dasar pendidikan yang begitu bermanfaat telah diwujudkan. Dasar dan usaha ini terus mengalami perubahan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan dunia. Peruntukan pembangunan untuk bidang pendidikan juga melebihi peruntukan untuk sektor dan bidang lain di negara ini. Pada tahun hadapan sahaja, sebanyak RM16.3 bilion telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan untuk tujuan prasarana dan pembangunan pendidikan di seluruh negara. Segalanya kerana kerajaan yakin dan sedar bahawa bidang pendidikan merupakan pelaburan jangka panjang yang akan menguntungkan negara. Makin bertambah rakyat yang berpendidikan maka semakin ramailah bijak pandai yang akan menyumbang ke arah memenuhi agenda dan wawasan negara. Kerajaan juga amat yakin bahawa hanya melalui pendidikan yang berkualiti sahajalah kita dapat menghasilkan individu dan generasi bestari yang mampu bersaing dengan mana-mana bangsa lain di dunia ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Dalam usaha kita mewujudkan pendidikan berkualiti, antara agenda utama yang perlu ditekankan ialah memperkasa profesi perguruan serta melahirkan guru-guru yang benar-benar berkualiti. Kementerian Pelajaran sentiasa menjalankan usaha yang sesuai bagi memantapkan guru-guru di negara ini iaitu dengan memberi penekanan kepada pelbagai elemen terutama yang melibatkan latihan-latihan dalam perkhidmatan, persekitaran kerja, kemajuan kerjaya, peluang melanjutkan pelajaran, perkhidmatan sokongan dan sebagainya. Aspek-aspek ini akan dikaji dan dinilai untuk memastikan bahawa barisan pendidik di negara ini sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan hari ini selain menerapkan mereka dengan sifat profesionalisme, kemahiran dan pengetahuan yang tinggi.

10. Pihak kementerian akan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk

mengambil langkah sewajarnya demi memartabatkan profesion keguruan ini, bagi memastikan setiap guru berupaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada anak-anak bangsa kita. Langkah terkini yang diambil ialah mewujudkan skel jawatan Jusa C untuk pengetua dan Gred C untuk guru-guru. Kedua-dua skel gaji ini diwujudkan bagi membolehkan pengetua dan guru-guru yang berminat mengajar di sekolah tetapi pada masa sama menginginkan kenaikan pangkat, boleh berbuat demikian tanpa perlu untuk berkhidmat dalam sektor pentadbiran. Saya percaya, langkah ini, pastinya berjaya mengangkat martabat profesion perguruan itu kerana guru-guru cemerlang ini akan terus berpeluang berhidmat sebagai 'guru'.

11. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan para guru yang hadir pada hari ini agar dapat memikul tanggungjawab serta mengambil inisiatif sendiri untuk memantapkan diri dengan mempelajari pelbagai bidang ilmu dan kemahiran sebagai pelengkap kepada proses pengajaran dan pembelajaran pada hari ini. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian harus sedar bahawa sekiranya kita mahu menjadi salah satu bangsa yang dihormati di dunia ini, maka suka tidak suka, kita tidak ada jalan lain, selain memastikan hanya pendidikan yang terbaik dan berkualiti sahaja disalurkan kepada seluruh warga, terutamanya anak-anak kita, generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Oleh itu, penuhilah amanah tersebut demi membina masa depan generasi yang cemerlang. Saya percaya ianya boleh dicapai jika tuan-tuan dan puan-puan terus memberikan komitmen dan kesungguhan yang tidak berbelah-bahagi terhadap tugas dan peranan masing-masing. Selaku Menteri Pelajaran, saya akan sentiasa bersama-sama golongan guru selagi mereka bersedia memberikan khidmat terbaik dengan ikhlas, jujur dan amanah.

12. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak di atas usaha dan inisiatif bersama untuk mengadakan Seminar Pendidikan Berkualiti ini. Saya amat berharap agar seminar ini berjaya mencapai matlamat yang disasarkan iaitu menilai status hubungan dan kerjasama antara PIBG dan komuniti sekolah, mengenalpasti kekuatan kurikulum, menyebarluaskan hasrat dan kehendak Dasar Pendidikan Negara, serta menilai peranan pelaksanaan latihan guru. Adalah diharapkan seminar ini dapat menghasilkan satu resolusi untuk dibawa kepada pihak saya sebagai tindakan susulan nanti. Terima kasih juga kepada pihak IAB di atas kesudian menjadi tuan rumah untuk majlis pada hari ini.

13. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pendidikan Berkualiti pada pagi ini.

